



---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**7 JANUARI 2022 (JUMAAT)**



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

---

**7 JANUARI 2022 (JUMAAT)**

# Tiada aduan harga ikan naik

Pengguna diminta buat laporan permudah kementerian siasat punca kenaikan

Oleh Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak menerima aduan berkenaan kenaikan harga ikan di pasaran dan hanya mengetahui melalui laporan media.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata pihaknya menggalakkan orang ramai untuk menyuarakan maklumat sekiranya mendapati mana-mana pihak atau peniaga menaikkan harga ikan.

Aduan ini bertujuan membolehkan KPDNHEP membuat siasatan termasuk mengenakan tindakan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti-pencatutan 2011 terhadap peniaga yang menaikkan harga.

"Perubahan angin Monsun Timur Laut yang mengakibatkan laut bergelora ketika ini menyukarkan nelayan mendaratkan ikan, sekali gus mempengaruhi bekalan dan harga ikan di pasaran," katanya selepas menghadiri Majlis Aspirasi Tahun Baharu 2022 Anggota Pendudiran KPDNHEP, semalam.

Yang turut hadir, timbalannya, Datuk Rosol Wahid dan Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

Sebelum ini, media melapor harganya ikan di Kedah melambung hampir tiga kali ganda, sejak dua minggu lalu.

Ikan termenung atau ikan kembung yang menjadi antara menu harian penduduk didapati dijual antara RM13 hingga RM17 sekilogram berbanding hanya RM5 awal bulan lalu.

Alexander berkata, aduan daripada orang ramai adalah penting supaya siasatan dapat dilakukan bagi mengetahui punca kenaikan harga itu berlaku.

Aduan boleh dibuat menerusi beberapa saluran yang disediakan pihaknya dan orang ramai boleh memanfaatkannya untuk kepentingan bersama.

Kementerian memahami harga ikan naik di sesetengah tempat itu lazimnya ketika berhadapan musim tengkujuh pada hujung tahun kerana tangkapan berkurangan, termasuk edaran bekalan.

"Perkara ini bukannya baharu bagi kita, ini selalu kita alami dan ada pengalaman dalam menangani perkara ini. Kalau ada aduan, kita buat siasatan dan pastikan apa puncanya.

"Sebab itu kita mesti buat siasatan dulu mengapa harga naik. Kalau naik kerana tiada unsur pencatutan, naik biasa mungkin kekurangan kali ganda, kita anggap sebagai yang berlaku secara normal," katanya.

Sementara itu KPDNHEP akan melaksanakan sekatan laman web atau penurunan kandungan dalam tempoh 48 jam untuk membantu mengelakkan pencatutan naik lagi.

Kementerian memahami harga ikan naik di sesetengah tempat itu lazimnya ketika berhadapan musim tengkujuh pada hujung tahun kerana tangkapan berkurangan, termasuk edaran bekalan.

langgaran hak cipta atau cetak rompak filem digital dalam talian.

Alexander berkata, KPDNHEP melalui Bahagian Penguat Kuasa mewujudkan Program Cyber Copyright Enforcement (CyCORE) bertujuan membantu menjahat pelanggaran hak cipta filem digital.

Menurutnya, Program CyCORE satu kaedah terancang yang dikhususkan untuk penerbit atau pemilik hak cipta filem tempat supaya dapat bekerjasama dengan lebih 50 rakan strategik.

Katanya, rakan strategik itu terdiri daripada agensi kerajaan, platform e-dagang dan penyedia perkhidmatan internet yang diselaraskan oleh kementerian dalam satu platform bagi mencegah kegiatan cetak rompak filem digital dalam talian.

"Program ini dilaksanakan melalui sekatan laman sesawang dan penurunan kandungan yang menjadi kaedah paling pantas dan berkesan dalam melumpuhkan aktiviti pengedaran cetak rompak filem digital dengan kerjasama rakan strategik tanpa membabitkan institusi kehakiman," katanya.

CyCORE diwujudkan dengan tiga objektif utama iaitu mengadakan satu platform kerjasama antara kementerian dan rakan strategik dengan pemilik hak cipta dalam membantu rakan strategik dengan melaraskan cetak rompak digital dalam medium internet.

Selain membantu mengurangkan kerugian pemilik hak cipta ketika pelancaran filem baru dalam bentuk digital, ia juga meningkatkan pemahaman serta peranan pemilik hak cipta dalam usaha membantu rakan strategik dengan melaraskan cetak rompak digital.

Alexander berkata, pemilik hak cipta boleh menyertai Program CyCORE selepas filem dilancarkan di pawagam kerana program ini memfokuskan kepada filem yang baru pertama kali ditayangkan dalam bentuk digital medium internet di laman web.

**KPDNHEP menggalakkan orang ramai menyuarakan maklumat sekiranya mendapati mana-mana pihak atau peniaga menaikkan harga ikan**

*Alexander Nanta Linggi,  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna*



## Tiada aduan rasmi harga ikan naik

**PUTRAJAYA** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak menerima sebarang aduan rasmi berhubung kenaikan harga ikan di pasaran.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, bagaimanapun kenaikan harga ikan telah dalam pengetahuan pihaknya.

"Tiada aduan yang diterima tetapi ada dilaporan melalui akhbar," katanya dalam sidang akhbar Majlis Aspirasi Tahun Baharu 2020 dan pelancaran CyCore di kementeriannya pada Khamis.

Menurutnya, orang ramai perlu menyuarakan aduan secara terus kepada pihak KPDNHEP bagi memudahkan kerja-kerja penguatkuasaan.

"Kalau buat (aduan) secara umum,

agak sukar untuk tindakan diambil, seolah-olah mahu membangkitkan perkara tetapi tidak memaklumkannya," katanya.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan, musim tengkujuh adalah antara faktor kenaikan harga ikan di pasaran tempatan.

"Kami akan siasat jika ada unsur-unsur pencatutan dan tindakan undang-undang yang sedia ada boleh diambil terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab," katanya.

Sebelum ini, Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) menjangkakan harga ikan di pasaran tempatan pulih dalam tempoh dua minggu lagi.

Berdasarkan laporan, ikan kembung didapati dijual antara RM13 hingga RM17 sekilogram (kg) berbanding hanya RM5kg awal bulan lalu di Kedah.



KPDNHEP tidak menerima sebarang aduan rasmi berhubung kenaikan harga ikan di pasaran.

# Banteras cetak rompak digital

KPDNHEP mewujudkan program Cyber Copyright Enforcement

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

**P**rogram Cyber Copyright Enforcement (CyCore) diwujudkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi membanteras jenayah pelanggaran hak cipta atau cetak rompak filem digital medium internet.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, program itu adalah satu kaedah terancang yang dikhususkan untuk penerbit-penerbit dan pemilik hak cipta filem tempatan.

“Ia untuk memastikan kerajaan dengan lebih 50 rakan strategik agensi kerajaan, platform e-dagang dan penyedia perkhidmatan internet (ISP) dapat dilakukan di satu platform bagi mencegah kegiatan cetak rompak filem digital dalam talian,” katanya dalam sidang akhbar Majlis Aspirasi Tahun Baharu 2020 dan pelancaran CyCore di kementeriannya pada Khamis.

Menurutnya, program tersebut dilaksanakan melalui kaedah tindakan sekatan laman sesawang serta penurunan kandungan.

“Tindakan ini adalah yang paling pantas dan berkesan bagi melumpuhkan aktiviti pengedaran cetak rompak filem digital dengan kerjasama rakan-rakan strategik tanpa melibatkan institusi perundangan.

“Melalui MyCore, sasaran tindakan sekatan laman web atau penurunan kandungan adalah dalam tempoh 48 jam daripada permakluman oleh pemilik hak cipta



Alexander (kiri) menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) iaitu Penolong Pengarah Jabatan Media Baharu, Muzaffar Mustafa sempena pelancaran CyCore di Putrajaya pada Khamis. Turut sama, Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad (kanan).

yang menyertai program tersebut.

“Program CyCore ini telah melalui beberapa siri pengujian bersama pemilik hak cipta filem dan mendapat sokongan serta maklum balas positif dalam perlaksanaannya,” jelas beliau.

Menurutnya lagi, hasil dari pada siri pengujian ke atas 15

filem yang menyertai program berkenaan mendapat, sebanyak 298 laman sesawang disekat, semestara sebanyak 1,418 penurunan kandungan telah berjaya dilaksanakan sejak 2021.

Katanya, melalui program itu juga, pemilik hak cipta diberi tunjuk ajar dan pemahaman ber-

hubung peranan mereka untuk membuat aduan sendiri dengan melaporkan terus pelanggaran hak cipta mereka kepada platform media sosial atau e-dagang yang menyiaran atau menjual karya filem tanpa kebenaran.

“Platform e-dagang dan media sosial ini mempunyai Polisi Harta Intelek masing-masing yang akan sentiasa bekerjasama serta membantu pemilik hak cipta dalam menurunkan mana-mana kandungan yang melanggar hak harta intelek.

“Kementerian juga melaksanakan profiling jenayah kepada mana-mana pihak yang diisyaki secara aktif melakukan kesalahan pengedaran cetak rompak filem digital di bawah peruntukan Akta Hak Cipta 1987 agar tindakan lebih tegas dapat diambil.

“Pihak didapati bersalah boleh didenda RM2,000 sehingga RM20,000 bagi setiap salinan pelanggaran hak cipta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya,” tegas beliau.

## CyCORE lindungi hak cipta digital

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) semalam memperkenalkan Program Cyber Copyright Enforcement (CyCORE) bagi membanteras jenayah pelanggaran hak cipta filem digital atau cetak rompak filem digital.

Menteri Perdagangan Da-

lam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, melalui program berkenaan tindakan sekatan laman sesawang atau penurunan kandungan akan dilaksanakan dalam tempoh 48 jam dari pemakluman peserta program kepada KPDNHEP.

Nanta berkata, CyCORE

yang dikhatusukan untuk penerbit filem tempatan atau pemilik hak cipta filem tempatan, melalui beberapa siri pengujian dan hasil pengujian ke atas 15 filem yang telah menyertai program itu, 298 laman sesawang telah disekat dan 1,418 penurunan kandungan berjaya dilaksanakan sejak tahun 2021.

## KPDNHEP sasar jejak lanun cetak rompak filem dalam masa 4 jam

**PUTRAJAYA** – Lanun cetak rompak filem dalam talian diberi amaran yang mereka kini mampu dijejaki seawal empat jam sahaja sebaik kandungan itu dimuat naik dalam medium internet.

Peringatan itu disuarakan Pengarah Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam terhadap penjenayah siber tersebut.

"Setakat ini paling lama maksimum 48 jam, namun kita juga pernah dapat kesan cepat sekitar empat jam sebelum bertindak sekat atau padam kandungan itu," katanya.

Beliau ditemui selepas menghadiri Majlis Aspirasi Tahun Baru 2022 dengan penyampaian ucapan amanat oleh Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi di kementerian itu semalam.

Terdahulu, Alexander menyaksikan Pelancaran Program Cyber Copyright Enforcement (CyCore) yang diwujudkan bahagian tersebut bagi membanteras jenayah pelanggaran hak cipta digital.

Ia mendapat kerjasama lebih 50 rakan strategik termasuk Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), platform e-dagang serta pihak penyedia

perkhidmatan internet (ISP).

Mengulas lanjut, ujar Azman, tempoh sehingga 48 jam itu adalah masa paling lama susulan pihaknya perlu mencari bukti terlebih dahulu selepas dimaklumkan oleh pemilik hak cipta.

"Kami perlu semak dengan SKMM, ISP dan sebagainya yang boleh menyebabkan berlaku kelewatan sedikit, tetapi dijamin tidak boleh lebih daripada had masa ditetapkan itu," tegasnya.

CyCore ujarnya, sudah melalui banyak siri pengujian sepanjang tahun lalu bersama pemilik yang menyertainya dengan 298 laman sesawang telah disekat dan 1,418 kandungan dipadam.



ALEXANDER (tiga dari kiri) menyampaikan hadiah Johan Anugerah Inovasi KPDNHEP 2021 kepada Azman (dua dari kanan) pada Majlis Aspirasi Tahun Baru 2022 KPDNHEP di Putrajaya semalam.

## **SHMKM: 100 kes peniaga culas dikesan**

**Klang:** Makin ramai peniaga yang dikesan tidak jujur dan tamak. Ia dibuktikan apabila Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesan 100 kes peniaga culas menerusi penguatkuasaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) di seluruh negara sehingga semalam.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, daripada 100 kes yang direkodkan itu, ia membabitkan nilai kompaun berjumlah RM21,300.

Menurutnya, pencapaian nasional pelaksanaan di bawah SHMKM sehingga semalam membabitkan 31,520 premis diperiksa iaitu 644 premis borong dan 30,876 premis runcit.

"Penguatkuasaan itu menghasilkan 100 kes

iaitu 76 kes di bawah kesalahan gagal menggunakan tanda harga khas, 14 kes tiada tanda harga dan 10 kes menjual melebihi harga maksimum.

"Bagi pencapaian SHMKM di peringkat Selangor pula, sebanyak enam kes dikesan iaitu empat kes kesalahan gagal menggunakan tanda harga khas dan dua kes menjual melebihi harga maksimum.

"Ini membabitkan pemeriksaan ke atas 1,905 premis iaitu 12 premis borong) dan 1,893 premis runcit sehingga semalam," katanya.

Rosol berkata, tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di bawah skim ini.

"Mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011," katanya.

**31,520 premis diperiksa iaitu 644 premis borong dan 30,876 premis runcit**

## Anggota KPDNHEP menyamar berkas penjual minyak peket

**KOTA BHARU:** Langkah anggota Penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan menyamar sebagai pembeli berjaya mengesan tiga peniaga yang menjual minyak masak peket secara bersyarat.

Pengarah KPDNHEP Kelantan, Adnan Abd. Rahman berkata, ketiga-tiga kes penjualan minyak masak peket bersyarat itu masing-masing melibatkan sebuah premis di Bachok, Pasir Mas dan Tanah Merah.

"Tindakan ke atas mereka diambil hasil pemeriksaan anggota penguat kuasa melakukan penyamaran sebagai pembeli untuk mengesan aktiviti terbabit selama tiga hari yang berakhir semalam.

"Kita dapati tiga peniaga tersebut mengenakan syarat supaya pelanggan membuat pembelian barang runcit lain sebelum dibenarkan membeli minyak masak bersubsidi," katanya dalam

satu kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, ketiga-tiga peniaga tersebut akan dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana mengenakan syarat tidak sah dalam penjualan barang kawalan.

"Siasatan lanjut masih dijalankan dan kes akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk tindakan lanjut sama ada mereka akan dikenakan kompaun atau sebaliknya.

"Sekiranya dituduh mahkamah dan sifit kesalahan, mereka boleh didenda sehingga RM1 juta atau tiga tahun penjara atau kedua-dua sekali bagi individu, manakala bagi perbadanan boleh didenda sehingga RM2 juta," katanya.

Terdahulu laporan eksklusif akhbar ini mendedahkan wujudnya amalan mewajibkan pelanggan membeli gula sebelum membeli minyak masak peket di kebanyakan kedai runcit di Tumpat, Pasir Mas, Rantau Panjang, Jeli serta Tanah Merah.

## KENA SYARAT BELI MINYAK MASAK

### Tiga peniaga diambil tindakan

**Kota Bharu:** Tiga peniaga yang didapati mengenakan pembelian bersyarat untuk minyak masak paket satu kilogram kepada pengguna bakal berdepan tindakan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Tindakan itu diambil oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) hasil pemeriksaan ke atas peniaga masing-masing seorang di Bachok, Pasir Mas dan Tanah Merah.

Pengarah KPDNHEP Ke-

lantan, Adnan Abd Rahman berkata, anggota pengawas kuasa melakukan penyamaran untuk mengesan aktiviti terbabit selama tiga hari yang berakhir kelmarin.

Katanya, pihaknya mendapati tiga peniaga itu mengenakan syarat kepada pembeli supaya membuat pembelian barang runcit lain sebelum dapat membeli minyak masak bersubsidi.

"Operasi itu hasil maklumat awam dan risikan ke

atas beberapa premis yang disyaki menjual barang runcit dan mengenakan pembelian bersyarat ke atas mana-mana barang runcit atau borong bagi pembelian satu kilogram minyak masak paket bersubsidi.

"Kita akan mengambil tindakan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana mengenakan syarat tidak sah dalam penjualan barang kawalan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

## Bangsal jadi transit sebelum seludup 3.9 tan minyak masak

**RANTAU PANJANG** – Cubaan penyeludup yang menjadikan sebuah bangsal dalam kebun sebagai transit sebelum menyeludup 3,960 kilogram minyak masak peket ke negara jiran gagal apabila lokasi di Kampung Lanchang, Ayer Lanas, Jeli itu diserbu kelmarin.

Serbuan pada pukul 2.45 petang itu dilakukan Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA) bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan dan Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Pengkalan Kubor.

Pegawai Pemerintah Batalion 7 PGA, Superintendant Azhari Nusi berkata, serbuan itu dilakukan selepas maklumat daripada pihak KPDNHEP Kelantan.

Menurutnya, sepasukan anggota PGA, KPDNHEP Kelantan dan PPM Wilayah Tiga telah ke lokasi untuk membuat serbuan.

"Hasil perneriksaan lanjut di dalam bangsal telah menjumpai



LEBIH 3.9 tan minyak masak paket yang cuba diseludup ke negara Jiran berjaya dirampas di Kampung Lanchang, Ayer Lanas, Jeli kelmarin. – IHSAN PGA

kotak-kotak berisi lebih 3.9 tan minyak masak bersubsidi.

"Kesemua barang rampasan dibawa ke Kompeni Taktikal PGA untuk tindakan lanjut sebelum

diserahkan kepada KPDNHEP Kelantan," katanya.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 8 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961.

## PGA rampas 198 kotak minyak masak bersubsidi cuba diseludup



PGA  
merampas 198  
kotak minyak  
masak  
bersubsidi  
diperlakukan  
cuba diseludup  
di sebuah  
bangsal di  
Kampung  
Lanchang, Ayer  
Lanas pada  
Rabu.

**JELI** - Sebanyak 198 kotak minyak masak bersubsidi bernilai RM5,840 diperlakukan cuba diseludup ke negara jiran di rampas Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA) Kuantan dalam satu serbuan di sebuah bangsal kebun di Kampung Lanchang, Ayer Lanas di sini pada Rabu.

Pegawai Pemerintah Batalion 7 PGA Kuantan, Superintendant Azhari Nusi berkata, serbuan pada jam 2.45 petang itu berdasarkan maklumat kolaborasi dari beberapa agensi.

Menurutnya, turut terlibat serbuan berkenaan ialah

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan dan Pasukan Polis Marin, Pengkalan Kubor, Tumpat.

"Hasil pemeriksaan lanjut di dalam bangsal telah menjumpai kotak-kotak berisi minyak masak bersubsidi.

"Kami merampas barang berkenaan dan menyerahkan kepada KPDNHEP untuk tindakan lanjut," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Khamis.

Kes disiasat di bawah Seksyen 8(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 (KPDNHEP).

HARI : JUMAAT  
TARIKH : 7/1/2022  
M/SURAT : 11

## GOF foils bid to smuggle cooking oil into Thailand

**JELI:** The General Operations Force (GOF) foiled an attempt to smuggle Malaysian subsidised cooking oil into Thailand with the seizure of 198 boxes worth RM15,840 yesterday. However, no one was arrested in the operation in Kampung Lanchang near Ayer Lanas. GOF Seventh Battalion commanding officer Superintendent Azhari Nusi said the subsidised cooking oil was seized in a raid at a hut in the village. He said a GOF team, with the help of marine police and officers from the state Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry, raided the hut following a public tip-off. Azhari said an initial investigation revealed that the cooking oil was to be smuggled into Thailand via the many illegal jetties along the Kelantan-Thailand border. "We suspect smugglers had used the hut to store the items."

HARI : JUMAAT  
TARIKH : 7/1/2022  
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

Ayam	<b>RM7.99</b>	Telur Gred A	<b>RM12.30</b>	Gula Pasir	<b>RM2.85</b>	Cili Merah	<b>RM13</b>
Daging Lembut Tempatan	<b>RM40</b>	Ikan Kembung	<b>RM10.99</b>	Bawang Besar Holland	<b>RM1.80</b>	Kubis Bulat Tempatan	<b>RM2.79</b>
Daging Lembut Import	<b>RM15.50</b>	Minyak Masak	<b>RM6.70</b>	Bawang Putih	<b>RM5.50</b>	Tepung Gandum	<b>RM2.20</b>

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP